

CUEPACS mahu semakan gaji

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 1 Mei – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mahukan kerajaan melakukan semakan semula gaji kakitangan awam, bukannya membuat penyelarasan gaji.

Presidennya, Omar Osman menegaskan, CUEPACS tidak menuntut penyelarasan gaji sebaliknya menuntut semakan gaji kakitangan awam yang membabitkan kenaikan antara 20 dan 40 peratus kepada 1.2 juta kakitangan awam di seluruh negara.

“CUEPACS akan menolak sebarang cadangan untuk membuat penyelarasan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus kerana ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah 400,000 kakitangan yang menerima gaji terlalu rendah iaitu antara RM480 dan RM690 sebulan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Hari Pekerja CUEPACS yang turut dihadiri oleh Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Syed Shahir Syed Mohamud dan kira-kira 400 pemimpin kesatuan sekerja perkhidmatan awam di Wisma CUEPACS di sini hari ini.

CUEPACS telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Januari lalu yang antara lain menuntut kerajaan membuat semakan gaji antara 20 dan 40 peratus, persaraan kakitangan awam dilanjutkan ke usia 60 tahun dan penghapusan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Kongres itu mencadangkan kenaikan 40 peratus untuk kumpulan sokongan II (Gred 1 hingga 16) yang merupakan jawatan terendah dalam sektor awam, manakala bagi kumpulan sokongan I (Gred 17 hingga 26 dan Gred 27 hingga 40) pula kadar kenaikan yang dicadangkan ialah 30

peratus.

Bagi kumpulan pengurusan dan profesional (Gred 41 hingga 54), CUEPACS mencadangkan kenaikan gaji sebanyak 20 peratus manakala bagi Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) pula sebanyak 10 peratus.

Ditanya adakah beliau telah mendapat jawapan daripada kerajaan bahawa hanya pelarasan gaji sahaja yang akan ditawarkan kepada CUEPACS, Omar memberitahu, perkara itu telah dinyatakan oleh sumber dalaman di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada beliau serta beberapa anggota Majlis Tertinggi kongres itu dan disebarkan di Internet.

Rundingan

Omar menegaskan sekiranya kerajaan berkeras untuk melaksanakan penyelarasan gaji kakitangan awam tanpa melakukan rundingan, CUEPACS akan melancarkan tindakan perusahaan yang telah lama tidak dilaksanakan oleh kakitangan awam.

“Sekiranya kerajaan berkeras untuk melaksanakan pelarasan gaji, kira-kira 3,000 anggota CUEPACS yang menghadiri Perhimpunan Hari Pekerja Kakitangan Awam yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri pada 21 Mei ini akan membuat ketetapan apa tindakan perusahaan yang akan dilakukan.

“Tindakan ini perlu bagi memperjuangkan tuntutan semakan gaji yang dibuat oleh kongres,” tegas beliau.

Ditanya adakah tindakan itu termasuk melakukan mogok, Omar menegaskan, ia terpulang kepada anggota-anggota CUEPACS untuk menentukan tindakan yang mereka akan ambil.

Katanya, CUEPACS terpaksa tegas dalam tuntutan semakan gaji memandangkan kos sara hidup yang tinggi pada masa kini selain mengelakkan kira-kira 40 peratus kakita-



OMAR Osman (duduk, tengah) melancarkan kata-kata semangat semasa Perhimpunan Hari pekerja CUEPACS 2007 di Wisma CUEPACS, semalam.

ngan awam kumpulan rendah melakukan kerja tambahan selepas waktu pejabat.

Jelas beliau, kakitangan kumpulan rendah termasuk termasuk pemandu dan buruh dikesan melakukan kerja tambahan yang dikhuatiri akan menjejaskan mutu kerja mereka dalam sektor awam.

Omar memberitahu, kerajaan tidak mempunyai asas untuk menolak tuntutan semakan gaji CUEPACS memandangkan keadaan ekonomi negara adalah baik.

“Kita melihat Indeks Komposit Bursa Malaysia meningkat, kadar tukaran ringgit baik malahan kemasukan pelaburan ke negara ini semakin rancak, jadi apa alasan kerajaan untuk menolak semakan gaji yang dituntut oleh CUEPACS,” ujarnya.

Beliau menjelaskan, CUEPACS juga akan menuntut kerajaan untuk menghidupkan semula Tribunal Perusahaan Awam bagi membicarakan kes-kes tuntutan kakitangan awam berkaitan gaji dan penyalaraan gaji.

Kata beliau, tribunal itu telah dimansuhkan pada tahun 1991 apabila kerajaan melaksanakan Skim Saraan Baru (SSB) menyebabkan kes-kes berkaitan gaji dan penyalaraan tidak dapat dibawa ke tribunal atau mahkamah.

“Ketiadaan tribunal ini menyebabkan kakitangan awam sukar untuk menuntut keadilan kerana kes-kes tuntutan dan penyalaraan gaji di bawah kuasa penuh JPA,” jelasnya.